

24 MAR 1996

Mahathir - Indonesia

TINDAKAN ROBOH PENEMPATAN HARAM RAKYAT ASING UNTUK KEADILAN

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan kerajaan merobohkan penempatan haram rakyat asing di negara ini dilakukan semata-mata untuk menegakkan keadilan.

Perdana Menteri, yang mempertahankan langkah tegas kerajaan-kerajaan negerimula merobohkan penempatan-penempatan haram rakyat Indonesia di negara ini, berkata tindakan itu langsung tidak mengandungi niat untuk menyinggung mana-mana pihak, apatah lagi menjejaskan hubungan erat dengan republik berkenaan.

"Kita masih serumpun sebangsa," katanya ketika ditanya pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, di sini, selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Poland, Dr Wlodzimierz Cimoszewicz.

Setakat ini, Kerajaan Negeri Selangor sudahpun memulakan tindakan merobohkan penempatan haram rakyat asing manakala beberapa negeri lain seperti Melaka dan Johor dijangka mengambil tindakan yang sama sedikit masa lagi.

Semalam, soal serumpun sebangsa telah dibangkitkan dalam slot Citra Nusantara siaran bersama TV3 dan Rajawali Citra Televisi Indonesia (RCTI) berhubung isu itu.

Pada 18 Mac lalu, Perdana Menteri telah meminta kerajaan-kerajaan negeri bertindak membersihkan penempatan pendatang asing jika terbukti ia dibangunkan secara haram.

Beliau juga menegur pihak berkuasa tempatan kerana lewat bertindak menangani masalah itu sehingga kawasan pendatang asing kini menjadi perkampungan besar.

Ketika ditanya pemberita hari ini sama ada tindakan kerajaan itu boleh menjejaskan hubungan Malaysia-Indonesia yang dianggap serumpun sebangsa, Dr Mahathir berkata, apa yang dilakukan kerajaan merupakan tindakan yang sering diambil terhadap penduduk tempatan yang mencero bohi tanah kerajaan.

"Kalau kita roboh rumah setinggalan terdiri daripada rakyat kita, takkanlah rakyat lain pula dikecualikan. Tentulah itu akan dianggap pula tidak adil oleh rakyat kita sendiri," katanya yang berpendapat hubungan serumpun sebangsa itu tetap kukuh.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, kerajaan-kerajaan negeri sudah diarah supaya berhati-hati dalam mengambil tindakan kerana kerajaan pusat tidak mahu timbul perkara-perkara yang tidak diingini. -- Bernama.

AH AHH